



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 16

30hb Julai 2009

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

J. P.U. 16.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL MENDAPATKAN TUNGGAKAN
(MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit Bangunan [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Mendapatkan Tunggakan (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah) 2004 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia distarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah;

“Premis” ertinya yang mengenainya tunggakan itu genap masanya dibayar;

“Tunggakan” ertinya semua atau apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau boleh didapatkan daripada pemunya atau pemunya-pemunya miana-mana premis berkenaan dengan perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Yang Dipertua pada menjalankan apa-apa kerja yang adalah, di bawah Akta, boleh didapatkan daripada pemunya atau pemunya-pemunya;

Notis Tuntutan dan fee

3. (1) Jika Yang Dipertua telah menjalankan apa-apa kerja di bawah Akta, satu invois berkenaan dengan perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Yang Dipertua pada menjalankan kerja itu hendak dihantar kepada pemunya premis itu mengkehendakinya membayar wang itu dalam tempoh dua (2) bulan.

(2) Jika perbelanjaan dan kos itu atau apa-apa bahagian daripadanya masih belum dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam perenggan (1), suatu Notis Tuntutan dalam Borang A Jadual Pertama hendaklah disampaikan kepada pemunya premis itu mengkehendakinya membayar sejumlah wang bersama dengan fee bagi Notis Tuntutan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh notis itu disampaikan atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua.

Waran Tahanan dan fee

4. (1) Jika perbelanjaan dan kos itu atau apa-apa bahagian daripadanya masih tertunggak selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam perenggan (2) undang-undang kecil 3, suatu Waran Tahanan dalam Borang B Jadual Pertama boleh dikeluarkan dan apa-apa harta alih dan apa-apa tanaman pemunya atau penduduk atau apa-apa benda kepunyaan sesiapa jua yang terdapat di premis itu boleh disita.

(2) Fee yang kena dibayar bagi Waran Tahanan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Satu salinan Waran Tahanan hendaklah dilekapkan di sesuatu bahagian premis itu yang mudah dilihat dan satu salinannya hendaklah dipamerkan di papan notis Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Inventori Notis dan fee

5. (1) Jika apa-apa harta alih atau apa-apa tanaman yang disita di bawah Waran Tahanan, suatu inventori hendaklah dibuat dan suatu Notis Inventori dalam Borang C Jadual Pertama hendaklah disampaikan kepada pemunya atau penduduk premis itu mengkehendakinya membayar tunggakan itu dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis itu disampaikan.

(2) Notis Inventori boleh diberi kepada pemunya atau penduduk itu sendiri atau ditinggalkan di premis di mana harta itu disita.

(3) Fee yang kena dibayar bagi Notis Inventori adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(4) Harta alih dan tanaman-tanaman yang disita di bawah Waran Tahanan hendaklah dijual secara lelong awam jika tunggakan tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan.

Dengan syarat bahawa jika harta alih yang disita itu adalah dari jenis mudah rosak atau jika belanja bagi menyimpannya akan melebihi nilainya maka harta itu boleh dijual dengan serta-merta.

(5) Jika Yang Dipertua mengambil mana-mana orang untuk menjaga harta yang disenaraikan dalam Notis Inventori, apa-apa perbelanjaan yang dilakukannya untuk berbuat demikian hendaklah didapatkan daripada pemunya.

Notis Jualan dan fee

6. (1) Sebelum menjalankan sesuatu jualan secara lelong awam, suatu Notis Jualan dalam Borang D Jadual Pertama hendaklah ditampalkan di premis itu dan di papan notis Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah tujuh (7) hari sebelum jualan.

(2) Fee yang kena dibayar bagi Notis Jualan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(3) Fee untuk menjalankan lelong awam ialah sebanyak RM200.00.

Fee menjadi sebahagian daripada tunggakan

7. Semua fee yang kena dibayar di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah dibayar oleh pemunya premis itu dan hendaklah didapatkan daripada pemunya premis itu seolah-olah fee itu adalah sebahagian daripada tunggakan itu.

JADUAL PERTAMA**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974****UNDANG-UNDANG KECIL MENDAPATKAN TUNGGAKAN
(MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2004****BORANG A****NOTIS TUNTUTAN**

[Undang-Undang Kecil 3]

No.:

Kepada:

.....
.....
.....

Butir-butir kerja.....

di alamat.....

.....

Lot No.

Seksyen/Mukim.....

Sila ambil perhatian bahawa kamu adalah dikehendaki membayar kepada Yang Dipertua perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Yang Dipertua pada menjalankan kerja-kerja yang tersebut di atas berjumlah RM.....

(Ringgit Malaysia:.....) bersama dengan fee sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia:.....) bagi Notis

Tuntutan di bawah sekisyen.....Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], di pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh notis ini disampaikan, dan jika mungkin membayar dalam tempoh yang ditetapkan, amaun tunggakan yang kena dibayar bersama dengan kos proses hendaklah didapatkan menurut kuasa-kuasa yang terkandung dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

| <i>Butiran</i> | <i>RM</i> | <i>Sen</i> |
|---------------------------------------|-----------|------------|
| Perbelanjaan dan kos bagi kerja-kerja | | |
| Fee bagi Notis Tuntutan | | |
| Jumlah | | |

Bertarikh..... 20.....

.....
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
 UNDANG-UNDANG KECIL MENDAPATKAN TUNGGAKAN
 (MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2004

BORANG B
WARAN TAHANAN
 [Undang-Undang Kecil 4]

No.:.....

Kepada:

.....

Butir-butir kerja.....
 di alamat.....
 Lot No.
 Seksyen/Mukim.....

Bahawasanya melalui suatu notis bernombor.....yang diposkan atau diserahkan pada.....20.....pemunya adalah dikehendaki membayar di pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah wang sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia:.....) sebagai tunggakan bayaran bagi kerja-kerja yang tersebut di atas dan bahawasanya wang sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia:.....) yang tersebut telah tidak dibayar.

Ini adalah perintah untuk kamu supaya menahan harta alih atau apa-apa tanaman pemunya atau penduduk yang terdapat di dalamnya (alamat premis itu).....dan juga apa-apa harta alih atau apa-apa tanaman kepunyaan sesiapa juga yang terdapat di premis tersebut dan melainkan wang sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia:.....) yang tersebut bersama RM.....(Ringgit Malaysia:.....), sebagai kos bagi tahanan ini, dibayar, supaya menahannya sehingga diberi perintah selanjutnya.

Kamu adalah selanjutnya diperintahkan supaya menghantar balik waran ini pada atau sebelum20..... Bersama dengan suatu catatan memperakui tarikh dan cara bagaimana waran ini telah dilaksanakan atau mengapa waran ini telah tidak dilaksanakan.

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN KOS

| <i>Butiran</i> | <i>RM</i> | <i>Sen</i> |
|--------------------|-----------|------------|
| Amaun Tunggakan | | |
| Fee Notis Tuntutan | | |
| Fee Waran Tahanan | | |
| <i>Jumlah</i> | | |

Bertarikh.....20.....

.....
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL MENDAPATKAN TUNGGAKAN
 (MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2004**

BORANG C

NOTIS INVENTORI

[Undang-Undang Kecil 5]

No.:.....

Kepada:

.....
 yang beralamat di Lot No.....

Seksyen/Mukim.....

(atau apa-apa perihal pengenalan lain).

Sila ambil perhatian bahawa pada hari ini saya telah menahan harta atau tanam-tanaman yang dinyatakan dalam inventori yang tersebut di bawah bernilai RM.....(Ringgit Malaysia:.....) sebagai tunggakan dan kos yang telah didapatkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], sebagaimana dinyatakan butir-butirnya di bawah dan melainkan kamu membayar kepada pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah amaun yang kena dibayar itu bersama dengan kos bagi tahanan ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis ini. Selepas tempoh ini sekiranya pihak Majlis tidak mendapat maklumbalas, harta atau tanam-tanaman itu akan dijual.

INVENTORI

| <i>Bil. Barang</i> | <i>Perihal Harta/Tanaman</i> |
|--------------------|------------------------------|
| | |

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN KOS

| <i>Butiran</i> | <i>RM</i> | <i>Sen</i> |
|---------------------|-----------|------------|
| Amaun Tunggakan | | |
| Fee Notis Tuntutan | | |
| Fee Waran Tahanan | | |
| Fee Notis Inventori | | |
| Caj Pengawal | | |
| Jumlah | | |

Bertarikh.....20.....

Tandatangan.....
 Nama.....
 Jawatan.....

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
 UNDANG-UNDANG KECIL MENDAPATKAN TUNGGAKAN
 (MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH) 2004

BORANG D
 NOTIS JUALAN
 [Undang-Undang Kecil 6]

Kepada:

Notis ini diberi untuk memaklumkan bahawa harta yang disita di.....
pada.....20.....di bawah Waran Tahanan/Notis Inventori
 No.....akan dijual secara lelong awam pada.....20.....
 pukul..... pagi/petang melainkan amaun tunggakan dan kos pelaksanaan
 dibayar terlebih dahulu.

Bertarikh.....20.....

Tandatangan.....

Nama.....

Jawatan.....

JADUAL KEDUA

FEE NOTIS TUNTUTAN
[Undang-Undang Kecil 3(2)]

| (1) Amaun Tunggakan | (2) Fee Notis Tuntutan (RM) |
|---|--------------------------------------|
| RM1,000.00 ke bawah | 4.00 |
| Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00 | 8.00 |
| Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 | 12.00 |
| Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00 | 16.00 |
| Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00 | 20.00 |
| Selepas daripada itu setiap RM1,000.00 atau apa-apa bahagian daripadanya. | 2.00 |

JADUAL KETIGA

FEE WARAN TAHANAN
[Undang-Undang Kecil 4(3)]

| (1) Amaun Tunggakan | (2) Fee Waran Tahanan (RM) |
|---|-------------------------------------|
| RM1,000.00 ke bawah | 20.00 |
| Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00 | 40.00 |
| Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 | 60.00 |
| Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00 | 80.00 |
| Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00 | 100.00 |
| Selepas daripada itu setiap RM1,000.00 atau apa-apa bahagian daripadanya. | 20.00 |

JADUAL KEEMPAT
FEE NOTIS INVENTORI
[Undang-Undang Kecil 5(3)]

| (1) Amaun Tunggakan | (2) Fee Notis Inventori (RM) |
|---|---------------------------------|
| RM1,000.00 ke bawah | 4.00 |
| Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00 | 8.00 |
| Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 | 12.00 |
| Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00 | 16.00 |
| Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00 | 20.00 |
| Selepas daripada itu setiap RM1,000.00 atau apa-apa bahagian daripadanya. | 2.00 |

JADUAL KELIMA
FEE NOTIS JUALAN
[Undang-Undang Kecil 6(2)]

| (1) Amaun Tunggakan | (2) Fee Notis Jualan (RM) |
|---|------------------------------|
| RM1,000.00 ke bawah | 4.00 |
| Melebihi RM1,000.00 tetapi tidak melebihi RM2,000.00 | 8.00 |
| Melebihi RM2,000.00 tetapi tidak melebihi RM3,000.00 | 12.00 |
| Melebihi RM3,000.00 tetapi tidak melebihi RM4,000.00 | 16.00 |
| Melebihi RM4,000.00 tetapi tidak melebihi RM5,000.00 | 20.00 |
| Selepas daripada itu setiap RM1,000.00 atau apa-apa bahagian daripadanya. | 2.00 |

Bertarikh 11 Oktober 2004
 [MPJBT(UU)BY-LAW-1/3;
 K.T. 24/68/4; PUNJ.BIL.(PU 2) 7 JLD 2(33)]

HAJI BURHAN BIN AMIN
 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

Disahkan pada 24 November 2004

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD
 Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
 Johor

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

RECOVERY OF ARREARS

(JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2004

In exercise of the powers conferred by the section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133], the State Authority makes the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the Recovery of Arrears (Johore Bahru Tengah Municipal Council) By-Laws 2004 and shall apply only to the area of Johore Bahru Tengah Municipal Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the day of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. (1) In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“arrears” means all or any sum of money payable by or recoverable from the owner or owners of any premise in respect of the expenses and costs incurred by the President in the execution of any work, which is, under the Act, recoverable from the owner or owners;

“President” means the President of Johore Bahru Tengah Municipal Council;

“premises” means the premises in respect of which the arrears are due.

Notice of Demand and fees

3. (1) Where the President has executed any work under the Act, an invoice in respect of the expenses and costs incurred by the President in the execution of the work shall be sent to the owner of the premises requiring him to pay the sum within the period of two (2) months.

(2) Where the expenses and costs or any part thereof remain unpaid after expiration of the period specified in paragraph (1), the Notice of Demand in Form A of the First Schedule shall be served to the owner of the premises requiring him to pay a sum of money together with the fee of the Notice of Demand as describe in the Second Schedule within the period of fifteen (15) days from the date of service of the notice or such extended period as the President may allow.

Warrant of Attachment and fees

4. (1) If the expenses and costs or any part thereof remain in arrears after the expiration of the period specified in paragraph (2) of by-law 3, the Warrant of Attachment in Form B of the First Schedule may be issued and any movable property and any crop of the owner or occupier or of whomsoever belonging which are found on the premises may be seized.

(2) The fees payable for the Warrant of Attachment are as describe in the Third Schedule.

(3) A copy of Warrant of Attachment shall be fixed on some conspicuous parts of the premises and a copy thereof shall be displayed on the notice board of the Johore Bahru Tengah Municipal Council.

Notice of Inventory and fees

5. (1) Where any movable property or any crop is seized under the Warrant of Attachment, an inventory shall be made and the Notice of Inventory in Form C of the First Schedule shall be served to the owner or occupier of the premises requiring him to pay the arrears within the period of seven (7) days from the date of service of the notice.

(2) The Notice of Inventory may be given to the owner or occupier personally or left at the premises from which the property was seized.

(3) The fees payable for the Notice of Inventory are as describe in the Fourth Schedule.

(4) The movable property and crops seized under the Warrant of Attachment shall be sold by public auction if the arrears are not paid after the expiration of the specified period.

Provided that where the property seized is of a perishable nature or where expense of keeping it in custody will exceed its value it may be sold at once.

(5) Where the President employs any person to watch over the property as listed in the Notice of Inventory, any expenses incurred thereby shall be recovered from the owner.

Notice of Sale and fees

6. (1) Before conducting a sale by public auction the Notice of Sale in Form D of the First Schedule shall be fixed at the premises and on the notice board at the Johore Bahru Tengah Municipal Council.

(2) The fees payable for the Notice of Sale as describe in the Fifth Schedule.

(3) The fees for conducting a public auction is RM200.00.

Fees as part of the arrears

7. All fees payable under these By-Laws shall be paid by the owner of the premises and shall be recovered from the owner of the premises as if they formed part of the arrears.

FIRST SCHEDULE
STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
RECOVERY OF ARREARS
(JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2004

FORM A

NOTICE OF DEMAND
[By-law 3]

No.:

To:

.....
.....
.....
.....

Particulars of works
at (address)
Lot No.
Section/Mukim

Take notice that you are required to pay the President the expenses and costs incurred by the President in the execution of the above mentioned notice amounting to RM.....(Ringgit Malaysia:.....) together with the fee RM.....(Ringgit Malaysia:.....) for notice of demand under section.....of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133], at the office of the Johore Bahru Tengah Municipal Council within fifteen (15) days from the date of service of this notice, and in default of payment within the period specified, the amount due together with the costs of process shall be recovered pursuant to the powers contained in the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133].

| <i>Particulars</i> | <i>RM</i> | <i>Cent</i> |
|------------------------------|-----------|-------------|
| Expenses and costs for works | | |
| Notice of Demand Fee | | |
| Total | | |

Dated.....20.....

.....
President
Johore Bahru Tengah Municipal Council

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
RECOVERY OF ARREARS
(JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2004

FORM B

WARRANT OF ATTACHMENT
[By-law 4]

No.:.....

To:

Particulars of works.....
 at (address).....
 Lot No.
 Section/Mukim.....

Whereas by the notice bearing No.:..... posted or delivered on the..... day of.....20.....the owner was required to pay the office of the Johore Bahru Tengah Municipal Council the sum of RM.....(Ringgit Malaysia:.....) being arrears of payment for the above mentioned works and whereas the said sum of RM.....(Ringgit Malaysia:.....) has not been paid.

This is to command you to attach the movable property or any corps of the said owner or occupier which may be found in (address of the premises.....) and also any movable property or any crop of whomsoever belonging which if found on the said premises, and unless the said sum RM.....(Ringgit Malaysia:.....) together with RM.....(Ringgit Malaysia:.....), being the costs of this attachment, be paid, to hold the same until further orders.

You are further commanded to return this warrant on or before the20.....with an endorsement certifying the date and manner in which it has been executed or why it has not been executed.

PARTICULARS OF ARREARS AND COSTS

| <i>Particulars</i> | <i>RM</i> | <i>Cent</i> |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Amount of Arrears | | |
| Notice of Demand Fee | | |
| Warrant of Attachment Fee | | |
| Total | | |

Dated.....20.....

.....
President
Johore Bahru Tengah Municipal Council

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
RECOVERY OF ARREARS
(JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2004

FORM C

NOTICE OF INVENTORY
[By-law 5]

No.:

To:

.....
 at (address) Lot No.

Section/Mukim.....

.....
(or any other identifiable description)

Take notice that I have this day attached the property or crops specified in the under mentioned inventory for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia.....) being arrears and costs recoverable under the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133], as detailed below and that unless you pay into the office of the Johore Bahru Tengah Municipal Council the amount due together with the costs of this attachment within seven (7) days of the date of this notice the property or crops will be sold.

INVENTORY

| <i>No. of Articles</i> | <i>Description of Property/Crops</i> |
|------------------------|--------------------------------------|
| | |

DETAILS OF ARREARS AND COSTS

| <i>Particulars</i> | <i>RM</i> | <i>Cent</i> |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Amount of Arrears | | |
| Notice of Demand fee | | |
| Warrant of Attachment fee | | |
| Notice of Inventory fee | | |
| Watchman Charges | | |
| Total | | |

Dated.....20.....

Signature.....

Name.....

Designation.....

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974
RECOVERY OF ARREARS
(JOHORE BAHRU TENGAH MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2004

FORM D

NOTICE OF SALE
[By-law 6]

To:

.....

Notice is hereby given that the property seized at
, on
 the20..... under the Warrant of Attachment/Notice
 of Inventory No. will be sold by public auction on the.....20.....
 at..... am/pm unless the amount of arrears and the costs of execution be sooner
 paid.

Dated.....20.....

Signature.....

Name.....

Designation.....

SECOND SCHEDULE

NOTICE OF DEMAND FEE
[By-law 3(2)]

| (1) Amount of Arrears | (2) Notice of Demand Fee (RM) |
|---|--|
| RM1,000.00 and below | 4.00 |
| Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00 | 8.00 |
| Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00 | 12.00 |
| Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00 | 16.00 |
| Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00 | 20.00 |
| Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof | 2.00 |

THIRD SCHEDULE
WARRANT OF ATTACHMENT FEE
[By-law 4(2)]

| (1) Amount of Arrears | (2) Warrant of Attachment Fee (RM) |
|---|---|
| RM1,000.00 and below | 20.00 |
| Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00 | 40.00 |
| Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00 | 60.00 |
| Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00 | 80.00 |
| Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00 | 100.00 |
| Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof | 20.00 |

FOURTH SCHEDULE
NOTICE OF INVENTORY FEE
[By-law 5(3)]

| (1) Amount of Arrears | (2) Notice of Inventory Fee (RM) |
|---|---|
| RM1,000.00 and below | 4.00 |
| Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00 | 8.00 |
| Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00 | 12.00 |
| Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00 | 16.00 |
| Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00 | 20.00 |
| Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof | 2.00 |

FIFTH SCHEDULE
NOTICE OF SALE FEE
[By-law 6(2)]

| (1) Amount of Arrears | (2) Notice of Sale Fee (RM) |
|---|--------------------------------------|
| RM1,000.00 and below | 4.00 |
| Exceeds RM1,000.00 but not above RM2,000.00 | 8.00 |
| Exceeds RM2,000.00 but not above RM3,000.00 | 12.00 |
| Exceeds RM3,000.00 but not above RM4,000.00 | 16.00 |
| Exceeds RM4,000.00 but not above RM5,000.00 | 20.00 |
| Thereafter for every RM1,000.00 or part thereof | 2.00 |

**Dated 11 October 2004
[MPJBT(UU)BY-LAW-1/3;
K.T. 24/68/4; PUNJ.BIL.(PU 2) 7 JLD 2(33)]**

**HAJI BURHAN BIN AMIN
President
*Johore Bahru Tengah Municipal Council***

Confirmed on the 24 November 2004

**HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD
Clerk of the State Executive Council
*Johore***